

### 4.3 SAMBUTAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA UMS 2012

Disediakan oleh: En. Alexander Saidi, Penolong Pegawai Tadbir



Pada 13 September 2012 (Khamis), Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2012 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Bahagian Perkhidmatan Akademik. Semua J/S/P/I/U di UMS telah menyertai majlis ini dengan membuka gerai-gerai yang mewakili /J/S/P/I/U masing-masing untuk dipertandingkan.

Majlis ini sememangnya mampu mengeratkan semangat kekeluargaan dan kekitaan di kalangan kakitangan UMS melalui kerjasama serta tolong menolong untuk menyiapkan gerai masing-masing yang telah bermula pada waktu petang 12 September 2012 (Rabu) sehinggalah jam 1.00 pagi. Semua kakitangan yang terlibat telah bergotong-royong dan bertungkus lumus mendirikan gerai masing-masing tidak terkecuali Pejabat Pendaftar oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi Pejabat Pendaftar (AKRAP). Walaubagaimanapun, semua petugas tetap sempat tiba di gerai masing-masing seawal sebelum majlis yang bermula pada jam 8.00 pagi.

Seperti pada tahun sebelumnya, gerai Pejabat Pendaftar dengan menu yang dihidangkan iaitu Nasi Lemak Pelangi telah berjaya mendapat tempat ketiga daripada lebih dari 40 buah gerai yang dipertandingkan. Perasmian majlis disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sabah selaku Canselor UMS dan diserikan dengan persembahan Dikir Barat dan nyanyian.

Selain itu, Gerai Pejabat Pendaftar kali ini turut dimeriahkan lagi dengan penglibatan yang julung-julung kalinya oleh kanak-kanak dari Tadika UMS.